



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS JOHOR RAMPAS 27 TAN PERUT KHINZIR BEKU, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	KAPAL INDUK TUNGGU DI LUAR PERAIRAN, NASIONAL, BH -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7. 8.	NAFAS TIDAK ABAI ISU BEKALAN BENIH PADI SAH, SH -ONLINE SEMBILAN VARIETI PADI DILULUSKAN SETANDING VARIETI MR297, BERNAMA -ONLINE GUNA BENIH PADI VARIETI LAIN - NAFAS, DALAM NEGERI, UM -8 KERAJAAN JAMIN BEKALAN BENIH CUKUP, NEGARA, KOSMO -16 NAFAS BERI JAMINAN TANGANI ISU BEKALAN BENIH PADI SAH, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -26 PESAWAH HANYA TUMPU BENIH PADI MR297, NASIONAL, BH -6	PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9. 10.	ENOUGH SUPPLY OF FRESH CHICKEN, NEWS WITH BORDERS, THE SUN -3 10,000 PENTERNAK MOHON KERAJAAN KAJI SMEULA HARGA SILING DAGING TEMPATAN, UM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20

Maqis Johor rampas 27 tan perut khinzir beku

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas 27 tan perut babi beku bernilai RM315,520 selepas memeriksa sebuah kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini, pada Selasa lalu.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan hasil pemeriksaan ke atas kontena yang dibawa masuk dari Denmark kira-kira jam 10.30 pagi.

Katanya, pemeriksaan mendapati ada perbezaan pada dokumen kontena yang dikemukakan kepada pegawai penguat kuasa Maqis.

Penceroohan nelayan asing

Kapal induk tunggu di luar perairan

Bot penceroboh masuk curi 'hasil negara'

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak menolak kemungkinan masih berakunya aktiviti pemindahan ikan oleh nelayan asing kepada bot induk selepas penceroboh menangkap di perairan negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata bot induk nelayan asing akan menunggu di luar perairan Malaysia bagi pemindahan hasil, sebelum bot penceroboh kembali ke perairan negara bagi meneruskan kegiatan haram mereka.

Beliau berkata, modus operandi itu membolehkan bot yang penceroboh berada lebih lama di perairan negara tanpa perlu kembali ke negara asal selepas pemindahan hasil laut, mengisi minyak serta pertukaran awak-awak di kapal induk.

Katanya, menyedari kegiatan

itu kementeriannya melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan agensi penguatkuasaan lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) meningkatkan pemantauan bagi memastikan hasil laut negara tidak sewenang-wenang negara 'dicuri' nelayan asing.

"Kita tidak membenarkan bot tempatan ke luar negara atau memindahkan hasil tangkapan ke kapal asing di laut. Hasil ikan hanya boleh didaratkan di pangkalan dalam negara.

"Menjual ikan di laut adalah satu kesalahan dan sekiranya nelayan memindahkan hasil di tengah laut, besar kemungkinan aktiviti dilakukan di luar perairan Malaysia bagi meng-

elak ditangkap.

"Pemantauan ketat dilaksanakan dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya nelayan tempatan melakukan aktiviti ini," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian semasa mengulas laporan negara dianggarkan mengalami kerugian sumber hidupan laut bernilai sehingga RM4.25 bilion setahun akibat penceroohan nelayan asing.

Pada masa sama, Ronald berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu boleh mengakibatkan kerugian kepada negara khususnya apabila pendaratan hasil tangkapan laut berkurangan semasa kali gus meningkatkan harga bahan itu di pasaran tempatan.

Kita tidak membenarkan bot tempatan ke luar negara atau memindahkan hasil tangkapan ke kapal asing di laut. Hasil ikan hanya boleh didaratkan di pangkalan dalam negara

Ronald Klandee,
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



Beliau berkata, Malaysia sudah lama menghentikan dasar membenarkan nelayan tempatan menyewakan bot untuk menangkap ikan di negara luar selepas nelayan asing yang menggunakan kemudahan itu mendaratkan hasil di negara asal serta mengkon bot.

"Kita sememangnya memendam serius perkara ini dan memperketatkan pemantauan. Sekiranya mana-mana nelayan ingin mengeksport ikan, ikan hendaklah di daratkan terlebih dahulu di dalam negara dan mematuhi semua prosedur eksport yang ditetapkan kerajaan," katanya.

Sementara itu, mengulas lebih lanjut mengenai penceroohan nelayan asing, Ronald berkata, ia adalah isu nasional yang perlu ditangani secara bersepadu oleh pelbagai agensi.

Beliau berkata, ada dua jawatankuasa ditubuhkan bagi menangani isu terbabit iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Sektora Bersepadu yang diurus setia oleh Maritim Malaysia dan Jawatankuasa Dasar/Perundangan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

"Susulan penubuhan Jawatankuasa Penguatkuasaan segera bersepadu, Op Naga fasa satu de-

ngan pembabitian Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin (PPM) dan Jabatan Perikanan (DOF) bagi pelaksanaan operasi di laut diaktifkan.

"Seterusnya, Op Naga Barat diaktifkan di Pantai Timur Semenanjung dan Op Naga Timur pula diaktifkan bagi menangani penceroohan kapal penangkap ikan asing di perairan Malaysia Timur," katanya.

Beliau berkata, negara berdepan cabaran dalam mengekalkan aktiviti ini termasuk menguatkuasakan Akta Perikanan 1985 (Pindaan 2019) kerana perairan yang luas.

Katanya, laut Malaysia yang masih kaya dengan sumber perikanan menjadi punca nelayan asing sanggup memperjudikan nasib dengan menceroboh perairan negara kita.

"Selain itu, Zon Ekonomi Eksklusif negara seluas 380,000 kilometer juga antara cabaran kita.

"Namun langkah pemuliharaan sumber perikanan seperti pelan dan kawalan menangkap ikan dilaksanakan kerajaan memastikan laut negara kekal mampan dengan sumber perikanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

[DIKEMASKINI] Nafas tidak abai isu bekalan benih padi sah

Bekalan benih padi lewat jejas pesawah



Keratan akhbar Sinar Harian pada Rabu mengenai kebimbangan pesawah tentang kelewatan benih padi sah.

ALOR SETAR - [DIKEMASKINI] Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengambil berat dan mengikut secara rapat setiap permasalahan berkaitan isu pembekalan benih padi sah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Nafas, stok bagi pembekalan benih padi adalah mencukupi berdasarkan kesemua varieti benih yang ditawarkan di pasaran.

"Berdasarkan rekod terkini, sebanyak 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 321,689 beg telah dibekalkan oleh Nafas.

"Atas kekangan stok benih padi yang terhad di pasaran maka keperluan benih padi MR297 mengambil sedikit masa untuk disediakan," menurut kenyataan berkenaan pada Khamis.

Menurutnya, Nafas telah mengambil pelbagai langkah yang wajar dalam memastikan isu bekalan benih padi dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kebaikan petani.

"Nafas telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadi pemborong tunggal dan seterusnya mengedarkan bekalan benih padi sah yang dibekalkan oleh 10 syarikat pembekal yang dilantik.

"Nafas juga telah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih dibekalkan adalah terjamin berkualiti dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

"Bagaimanapun petani mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui kualitinya serta menjadi tanggungjawab syarikat pengeluar untuk menggantikan benih tersebut dengan benih yang baru," katanya.

Tambah kenyataan itu, Nafas juga memandang serius tentang kelewatan pembekalan benih padi.

"Nafas telah bertungkus-lumus menyelesaikan perkara tersebut dan memohon semua pihak bersama-sama mencari alternatif terbaik dalam menyelesaikannya dengan mengambil kira pelbagai langkah dan cadangan untuk mengguna pakai varieti benih yang lain seperti MR219 dan lain-lain sekiranya varieti MR297 habis di pasaran.

"Adalah menjadi hasrat Nafas melihat perkara ini dapat ditangani secara berkesan dengan penglibatan semua pihak.

"Nafas terbuka untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada semua pihak dalam mencari penyelesaian terbaik bagi semua perkara demi kelangsungan industri padi dan beras negara,"katanya.

Pada Rabu, akhbar Sinar Harian melaporkan pesawah di seluruh tanah air menggesa Nafas segera menyelesaikan isu kelewatan pendedaran benih padi sah yang kini mengganggu proses penanaman padi mereka pada musim ini.

Pada masa sama mereka tidak bersetuju sekiranya penggunaan benih padi ditukarkan kepada jenis MR219 bagi menyelesaikan isu kelewatan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2021	BERNAMA	ONLINE	

Sembilan varieti padi diluluskan setanding varieti MR 297



PUTRAJAYA, 22 April – Jabatan Pertanian telah meluluskan sembilan varieti benih padi setanding varieti MR 297, yang mendapat permintaan tinggi hingga bekalannya tidak mencukupi, kata Ketua Pengarah Pertanian Datuk Mohd Nasir Warris.

Sembilan varieti benih padi itu ialah MR 219, MR 220 CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR 269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263, katanya.

"Diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi hasil yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan hari ini bagi menjelaskan status benih padi sah negara.

Mohd Nasir berkata sebanyak 26,353.32 metrik tan benih padi telah disahkan oleh Jabatan Pertanian sehingga 19 April, dan kuantiti itu mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir bulan ini (April 2021) termasuk keperluan pesawah padi di Kedah dan Perlis.

"Pesawah dinasihatkan tidak membeli benih padi yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'Beg Putih' yang dikhuatiri boleh menyebabkan berlakunya isu berkaitan masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh menjejaskan kualiti serta industri padi negara," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Guna juga benih padi varieti lain - NAFAS

ALOR SETAR: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) meminta semua pihak agar sama-sama mencari alternatif terbaik dengan mengambil kira pelbagai langkah dan cadangan termasuk menggunakan benih padi varieti lain seperti MR219 sekiranya bekalan varieti MR297 habis di pasaran.

Dalam satu kenyataan semalam, pertubuhan itu berharap isu itu dapat ditangani secara berkesan dengan penglibatan semua pihak.

"NAFAS terbuka untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada semua pihak dalam mencari penyelesaian terbaik demi kelangsungan industri padi serta beras negara," katanya.

Kelmarin, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) dan Badan Bertindak Petani MADA menyatakan kekecewaan mereka terhadap kegagalan NAFAS membekalkan benih padi sah ke Semenanjung tanah air.

Ini merupakan kali pertama NAFAS bertindak sebagai pengedar tunggal benih padi sah kepada pesawah dengan benih-benih tersebut dibekalkan oleh 10 syarikat pembekal dilantik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Kenyataan itu menyebut, bersandarkan rekod terkini, sebanyak 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 telah diterima daripada pembekal setakat ini.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 321,689 telah dibekalkan NAFAS kepada pihak sepatutnya. Begitu pun atas kekangan stok benih padi yang terhad di pasaran, maka keperluan benih padi varieti MR297 mengambil sedikit masa untuk disediakan.

NAFAS juga telah berbincang dengan semua syarikat pengeluar benih yang dilantik untuk memastikan benih dibekalkan terjamin kualitinya.

Jabatan Pertanian sediakan 26,000 metrik tan benih padi berkualiti untuk pesawah

Kerajaan jamin bekalan benih cukup

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Sebanyak 26,353.32 metrik tan benih padi telah disahkan oleh Jabatan Pertanian adalah mengikut kualiti piawaian yang ditetapkan bagi menjamin pesawah seluruh negara mendapat bekalan benih padi yang berkualiti.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd. Nasir Warris berkata, kuantiti tersebut adalah mencukupi bagi keperluan pesawah seluruh negara sehingga akhir April ini.

"Ini termasuklah keperluan pesawah padi di Kedah dan Perlis, pengesahan benih padi sedang rancak dijalankan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian dan kuantiti benih padi yang akan disahkan pada musim penanaman 1/2021 ini dijangka melebihi daripada 36,000 tan.

"Benih ini melebihi daripada keperluan pada musim sekarang. Oleh yang demikian, pesawah adalah dinasihatkan agar tidak perlu risau tentang kecukupan bekalan benih padi," katanya



PESAWAH tidak perlu risau mengenai stok benih padi berkualiti apabila Jabatan Pertanian mengesahkan lebih 26,000 metrik tan benih disedekahkan. – GAMBAR HIASAN

dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, musim ini juga di-
dapati permintaan varieti MR 297
adalah tinggi dan ini menyebabkan
kan varieti tersebut tidak men-
cukupi.

"Namun begitu, terdapat juga
varieti lain yang setanding varieti
MR 297. Jabatan Pertanian telah
meluluskan sebanyak sembilan
lagi varieti iaitu MR 219, MR 220
CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR

269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan
MR 263.

"Oleh itu, diharapkan pesawah
dapat memilih dan bersedia un-
tuk menanam varieti lain selain
MR 297, yang mampu memberi

hasil yang tinggi," katanya.

Jelas Mohd. Nasir, pesawah
juga adalah diharapkan agar
tidak membeli benih padi yang
tidak mendapat pengesahan
daripada Jabatan Pertanian atau
dikenali sebagai 'Beg Putih'.

Katanya, penggunaan 'Beg
Putih' ini dikuatiri boleh me-
nyebabkan berlakunya isu
berkaitan masalah padi angin,
perakit dan perosak yang boleh
menjejaskan kualiti serta indus-
tri padi negara.

Terdahulu media melaporkan,
masalah kelewatan pengedaran
benih padi yang sah membelunggu
sebahagian besar pesawah di se-
luruh tanah air hingga dibimbangi
menjejaskan pengeluaran beras
yang menjadi makanan ruji rakyat
negara ini pada masa akan datang.

Keadaan itu merunsing-
kan pesawah ketika jadual pe-
nanaman padi terutamanya di
kawasan Lembaga Kemajuan
Pertanian Muda (MADA) yang
membekalkan 43 peratus beka-
lan padi negara pada tahun lepas,
sepatutnya telah bermula pada 1
April lalu.

28/4/2021

SINAR
HARIAN
NEGERI KELANTAN/
KEDAH

26

Nafas beri jaminan tangani isu bekalan benih padi sah

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mengambil berat dan mengikut secara rapat setiap permasalahan berkaitan isu pembekalan benih padi sah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Nafas, stok bagi pembekalan benih padi adalah mencukupi berdasarkan kesemua varieti benih yang ditawarkan di pasaran.

"Berdasarkan rekod terkini, 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 diterima dan daripada jumlah

itu, 321,689 beg telah dibekalkan oleh Nafas.

"Atas kekangan stok benih padi yang terhad di pasaran, maka keperluan benih padi MR297 mengambil sedikit masa untuk disediakan," menurut kenyataan berkenaan pada Khamis.

Menurutnya, Nafas telah mengambil pelbagai langkah yang wajar dalam memastikan isu bekalan benih padi dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kebaikan petani.

"Nafas telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan



Nafas telah bertungkus lumus menyelesaikan perkara tersebut dan memohon semua pihak bersama-sama mencari alternatif terbaik dalam menyelesaikannya dengan mengambil kira pelbagai langkah dan cadangan untuk menggunakan pakai varieti benih yang lain seperti MR219 dan lain-lain sekiranya varieti MR297 habis di pasaran."

Industri Makanan (MAFI) untuk menjadi pemborong tunggal dan seterusnya mengedarkan bekalan benih padi sah yang dibekalkan oleh 10 syarikat pembekal yang dilantik.

"Nafas juga telah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih dibekalkan adalah terjamin berkualiti dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

"Bagaimanapun petani mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui

lain seperti MR219 dan lain-lain sekiranya varieti MR297 habis di pasaran.

"Adalah menjadi hasrat Nafas melihat perkara ini dapat ditangani secara berkesan dengan penglibatan semua pihak.

"Nafas terbuka untuk mendapatkan maklum balas dan cadangan daripada semua pihak dalam mencari penyelesaian terbaik bagi semua perkara demi kelangsungan industri padi dan beras negara," katanya.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan pesawah di seluruh tanah air menggesa Nafas segera menyelesaikan isu kelewatan pengedaran benih padi sah yang mengganggu proses penanaman padi mereka pada musim ini.

Pada masa sama mereka tidak bersetuju sekiranya penggunaan benih padi ditukarkan kepada jenis MR219 bagi menyelesaikan isu kelewatan itu.

Bekalan benih padi lewat jejas pesawah

Penyakit di kawasan ini telah melanda kawasan benih padi. Nafas telah mengambil berat dan mengikut secara rapat setiap permasalahan berkaitan isu pembekalan benih padi sah. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Nafas, stok bagi pembekalan benih padi adalah mencukupi berdasarkan kesemua varieti benih yang ditawarkan di pasaran. "Berdasarkan rekod terkini, 595,035 beg pesanan benih padi varieti MR297 diterima dan daripada jumlah itu, 321,689 beg telah dibekalkan oleh Nafas. Atas kekangan stok benih padi yang terhad di pasaran, maka keperluan benih padi MR297 mengambil sedikit masa untuk disediakan," menurut kenyataan berkenaan pada Khamis. Menurutnya, Nafas telah mengambil pelbagai langkah yang wajar dalam memastikan isu bekalan benih padi dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kebaikan petani. "Nafas telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan

Laporan Sinar Harian pada Rabu mengenai kebimbangan pesawah tentang kelewatan benih padi sah.

Isu kekurangan benih padi

Pesawah hanya tumpu benih padi MR 297

Jabatan Pertanian sudah lulus 9 lagi varieti tangani masalah kekurangan bekalan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Masalah kekurangan bekalan benih padi khususnya di Kedah dan Perlis timbul kerana pesawah hanya menurukkan ke-pada benih padi sah daripada jenis MR 297.

Keadaan itu menjadikan bekalan benih MR 297 terputus dalam pasaran, tetapi pada masa sama Jabatan Pertanian sudah meluluskan sembilan lagi varieti benih padi lain iaitu MR 219, MR 220, CL2, UKMRC-2, UKMRC-8, MR 269, MR 303, MR 307, MRQ76 dan MR 263 yang setanding dengan MR 297.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris, berkata pihaknya mendapati pada musim ini, berlaku peningkatan

pada benih padi varieti MR 297 menyebabkan bekalannya tidak mencukupi.

"Oleh itu, diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi hasil yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Belian berkata, secara keseluruhan, sejumlah 26,353 tan benih padi sah sudah disediakan setakat Isnin lalu, bagi kegunaan pesawah di seluruh negara sehingga hujung bulan ini.

Katanya, kuantiti itu adalah mencukupi bagi keperluan pesawah termasuk pesawah di Kedah dan Perlis.

"Ketika ini, pegawai jabatan sedang melakukan proses pengesanan benih padi dan jumlah keseluruhan benih yang dijangka diguna bagi musim tanaman 1/2021 adalah melebihi 36,000 tan.

Oleh itu, diharapkan pesawah dapat memilih dan bersedia untuk menanam varieti lain selain MR 297, yang mampu memberi hasil yang tinggi



Mohd Nasir Warris,
Ketua Pengarah Pertanian

"Jumlah ini adalah melebihi daripada keperluan pada musim sekarang. Oleh yang demikian, pesawah dinasihat agar tidak risau tentang kecukupan bekalan benih padi," katanya.

BH semalam melaporkan lebih 30,000 pesawah di empat kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berhadapan masalah tidak dapat memulakan proses menanam padi mulai 1 April lalu berikutan belum menerima benih padi sah sehingga kini.

Mohd Nasir juga mengesahkan pesawah agar tidak membeli benih padi yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'beg putih'.

Katanya, penggunaan benih padi 'beg putih' dikuatiri boleh menyebabkan berlakunya isu berkaitan masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh

menjejaskan kualiti serta indus-tri padi negara.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dalam satu kenyataan berkata, kekurangan stok benih padi jenis MR 297 di pasaran menjadi antara faktor agihan masih tidak diperolehi petani di sesetengah kawasan. Ia mengambil sedikit masa disediakan kepada petani.

Katanya, berdasarkan rekod terkini, sebanyak 395,095 beg pesawah benih padi MR 297 sudah diterima dan daripada jumlah itu sebanyak 321,683 beg dibekalkan oleh NAFAS.

"NAFAS memandang serius kelewatan pembekalan benih padi ini, jadi pelbagai alternatif boleh difikirkan antaranya cadangan menggunakan benih padi MR 219 dan lain-lain sekiranya jenis MR 297 habis di pasaran.

"Untuk makluman, NAFAS sudah berbincang dengan kesemua syarikat pengeluar yang dilantik untuk memastikan benih yang dibekalkan adalah terjamin dan berkualiti dan mendapat kelulusan Jabatan Pertanian.

"Petani juga mempunyai hak untuk memulangkan semula benih padi yang diragui kualitinya dan menjadi tanggungjawab penegebar untuk menggantikan dengan benih baharu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2021	THE SUN	NEWS	3
WITHOUT BORDERS			

Enough supply of fresh chicken

PUTRAJAYA: The supply of fresh chicken is guaranteed to be sufficient until after the Aidilfitri celebration, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said his ministry had held discussions with several large-scale poultry producers, and they had given assurances of adequate supply.

"After consultation with several large-scale poultry producers, they have assured (us of) sufficient chicken supply until after Aidilfitri," he told reporters yesterday after inspecting the implementation of the Festive Season Maximum Price Control Scheme during Ramadan.

On complaints by disappointed traders over the fixed retail price of RM7.90 for a standard chicken under the scheme, Nanta said his ministry had sought consultations from various parties before setting the price.

"Twelve items have been placed under price control nationwide, from retailers to wholesalers; they must follow the price fixed by the government at each stage.

"That is why these retailers should not lose their margins or profits because we have studied this carefully and made sure that traders are not affected," he explained.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

10,000 penternak mohon kerajaan kaji semula harga siling daging tempatan



HUSSAIN Jaapar (dua dari kanan) bersama wakil KPDNHEP selepas menyerahkan memorandum di Kementerian itu di Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA: Kira-kira 10,000 penternak ruminan di seluruh negara memohon pertimbangan kerajaan meneliti semula harga daging segar tempatan yang ketika ini dianggap tidak munasabah.

Pengerusi Kelab Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Hussain Jaapar berkata, hasrat itu disampaikan dalam satu memorandum yang diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) agar menyemak kembali Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Aidilfitri 2021.

“Saya berasa amat lega mendengar jaminan pihak Kementerian untuk segera bertindak dalam masa terdekat,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia.

Terdahulu beliau bersama Timbalannya, Nordin Mat dan Setiausaha Agungnya, Mahfiah Mustapa hadir menyerahkan memorandum bantahan GTR berhubung isu SHMMP di sini hari ini.

Ia diterima Ketua Pegawai Komunikasi, Unit Komunikasi Korporat Kementerian, Yunus Tasim dengan memorandum itu juga diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Beliau dilapor berkata, pihak Kementerian itu akan meneliti memorandum tersebut sebelum mengeluarkan kenyataan rasmi setelah berbincang dengan semua agensi yang terlibat.

Semalam Utusan Malaysia melaporkan desakan penternak tempatan yang kecewa dan mahu kerajaan mengkaji balik SHMMP Hari Raya Puasa 2021 kerana jelas menindas golongan itu.

Bagaimanapun, menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi membidas dakwaan itu dan berkata, kawalan harga siling bermula semalam hingga 20 Mei ini tidak menganiaya mereka.

Mengulas lanjut, Hussain berkata, GTR mewakili lebih 5,000 penternak berdaftar di negara ini kecewa dengan SHMMP itu yang seperti mahu ‘membunuh’ terus industri ruminan domestik.

“Malah ia dibuat tanpa perbincangan atau tinjauan pendapat dengan pemain industri yang amat tertekan teruk akibat kenaikan kos ternakan terutama harga bahan makanan,” katanya.

Beliau memberi contoh produk dedak termasuk jagung dan soya telah naik berulang kali lebih 20 peratus sejak tiga tahun lalu tetapi anehnya, harga jualan daging pula dikawal kerajaan.

Harga ditetapkan RM34 sekilogram di Semenanjung dan RM26.50 di Sabah ujarnya, amat tidak logik dengan situasi semasa berbanding harga kawalan ayam segar yang naik 5.5 peratus.